

BAB I

BAB 1

KEDUDUKAN ANAK YATIM DALAM ISLAM

1.1 Maksud Anak Secara Umum

Asal semua manusia adalah daripada Nabi Ādam a.s. iaitu manusia pertama yang diciptakan Allah s.w.t. Oleh sebab itulah seluruh manusia di muka bumi ini dipanggil dengan istilah “Anak Ādam” yang bererti semua manusia di bumi ini sama sahaja kedudukannya dalam segala hal walaupun terdapat perbezaan dari segi cara hidup, tempat dan bangsa.

Secara umumnya perkataan “Anak” ini dipakai bagi semua perkataan termasuklah manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, batu-batan dan sebagainya. Di samping itu juga perkataan anak ini juga memberi pengertian yang berbagai-bagai. Antaranya ia boleh menunjukkan keturunan bagi seseorang manusia, ibu bapa dan juga menunjukkan asal tempat seseorang itu dilahirkan. Contohnya istilah “Anak Minang” bererti kelahiran Minangkabau. Kadang kala dipakai juga untuk menunjukkan sesuatu yang kecil seperti istilah “Anak Baju” bererti baju dalam. Dengan demikian pengertian anak untuk manusia tidak dapat disamakan dengan kata anak dalam ertikata yang lain kerana manusia perlu memelihara keturunannya untuk menunjukkan jenis dan kedudukannya dalam masyarakat. Maka sebab itulah Islam telah menentukan “Seseorang anak” itu hendaklah

disertai dengan nama bapanya untuk menentukan keturunannya dan asal usulnya.²²

1.2 Penggunaan Perkataan Anak di Dalam al-Quran

Di dalam al-Quran terdapat berbagai-bagai perkataan yang digunakan untuk membawa pengertian anak atau kanak-kanak. Walaupun terdapat perbezaan dari segi penggunaan istilah-istilah tersebut namun tidak terdapat pula perbezaan yang jelas dari segi maksud atau maknanya. Perkataaan-perkataan itu ialah :

i) *Al-Tifl* (الطفل)

Secara umumnya ia membawa maksud kepada anak kecil yang baru dilahirkan ataupun bayi.²³ Penggunaan istilah ini terdapat dalam firman Allah s.w.t.:

وَنَقِيرٌ فِي الْأَرْضِ مَا نَشَاءُ إِنَّ أَجَلَِي مُسْتَمِعٌ شُمُّ تُخْرِجُ كُمْ طِفَالًا

Maksudnya : Dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu), apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya, kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak.

Surah al-Hajj (22) : 5

²² Dr. Fü'ad Mohd. Fakhruddin (1999), *Masalah Anak Dalam Hukum Islam*. Muhammad Baihaqi (terj), Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa, h. 38-39

²³ Ustādh Ahmad al-'Āyid et.al (1989) *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*, Tunis : al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 794

ii) *Al-Walad* (الولد)

Perkataan ini membawa maksud yang lebih khusus iaitu seorang anak lelaki yang belum baligh.²⁴ Perkataan ini terdapat dalam firman Allah s.w.t.:

لَا تُضَارَّ وَلِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ وَبِوَلَدِهِ وَعَلَى
الْأَوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ²⁵

Maksudnya : Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada)

Surah al-Baqarah (2) : 233

iii) *Al-Sabiy* (الصبي)

Bermaksud anak kecil yang belum baligh dan usianya belum mumaiyiz.²⁶

Perkataan ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t. :

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْمَهْدِ صَبِيًّا²⁷

Maksudnya : Maka Maryam segera menunjukkan kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairan) : "Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang kanak-kanak dalam buaian."

Surah Maryam (19) : 29

²⁴ *Ibid*, h. 1332

²⁵ *Ibid*, 720

iv) Al-Ibn (الابن)

Membawa erti anak lelaki.²⁶ Perkataan ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t. :

وَجَعَلْنَا أَبْنَى مَرْيَمَ وَأُمَّهُ وَعَائِدَةَ

Maksudnya : Dan Kami jadikan (Nabi 'Isā) ibn Maryam serta ibunya sebagai satu tanda (mukjizat).

Surah al-Mu'minūn (23) : 50

v) Al-Ghulām (الغلام)

Istilah ini juga membawa erti anak lelaki yang kecil. Ini dapat dilihat daripada firman Allah s.w.t.

قَالَ إِنَّمَا أَنَا رَسُولُ رَبِّكِ لَا هُنْ لَكِ غُلَمًا زَكِيًّا

Maksudnya : Ia berkata : "Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci."

Surah Maryam (19) : 19

Sebagai kesimpulannya, perkataan-perkataan yang telah dinyatakan di atas adalah merujuk kepada maksud anak, kanak-kanak dan bayi.

²⁶ Ibrāhīm Muṣṭafā et.al (1985), *al-Mu'jam al-Wasīt*, c.3, j.1, Mesir: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, h. 74

1.3 Definisi Anak Yatim

Setelah penulis menghuraikan pengertian istilah anak yang digunakan di dalam al-Quran, penulis akan memberikan definisi tentang anak yatim pula.

Pada sudut bahasa anak yatim bermaksud anak yang kematian ibu atau bapanya. Manakala piatu pula membawa erti anak yang kematian kedua-dua ibu bapanya.²⁷

Ibn Manzūr memetik pendapat Ibn al-Birri yang mengatakan bahawa *al-Yatīm* adalah orang yang kematian bapanya. *al-'Ajjīy* pula adalah orang yang kematian ibunya manakala *al-Lātīm* ialah orang yang kematian ibu dan bapanya.²⁸

Pada sudut istilah syarak pula *al-Yatīm* adalah merujuk kepada anak kecil telah kehilangan atau kematian bapanya sahaja.²⁹ Al-Qurtubī dalam tafsirannya menambah kalimah yatim itu digunakan kepada mereka yang belum mencapai umur baligh.³⁰

Abū Zahrah pula menerangkan bahawa yatim itu dari segi bahasa dan syarak ialah orang-orang yang bapa mereka telah meninggal dunia dan termasuk juga orang-orang yang bapa mereka meninggalkan diri tanpa meninggalkan

²⁷ Hajah Noresah bt. Baharom *et.al* (2000), *op. cit.*, h.1555

²⁸ Ibn Manzūr (t.t), *op. cit.* , j. 6., h. h.4949

²⁹ Dr. Īnās 'Abbās Ibrāhīm (1985), *Ri'āyah al-Tufūlah fī al-Syā'i'ah al-Islāmiyyah*, Kaherah : Dār al-Buhūth al- 'Ilmiyyah, h. 369

³⁰ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1987) (selepas ini al-Qurtubī), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'a'n*, j. 5, c. 3, Mesir : al-Hay'ah al-'Āmmah li al-Kitāb, h. 8

sebarang harta untuk mereka, begitu juga orang-orang yang bapa mereka telah dijatuhkan hukuman yang membataskan kebebasannya sehingga menyebabkan mereka kehilangan penjaga semasa hukuman tersebut dijalankan.³¹

Daripada pendapat di atas, dapatlah dirumuskan bahawa anak yatim adalah kanak-kanak yang belum mencapai usia baligh yang telah kematian atau kehilangan bapa mereka sahaja. Manakala mereka yang telah mencapai usia baligh dan telah dewasa mereka tidak lagi digelar yatim. Ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. : ³²

لَا يَتَمَّنُ أَخْتِلَامٍ

Maksudnya : Tidak dinamakan yatim selepas ia bermimpi.

Hadir di atas menerangkan bahawa seseorang yang telah bermimpi tidak lagi dihukum sepertimana hukuman yang dikenakan ke atas kanak-kanak kecil. Ini disebabkan mereka telah mampu untuk berdikari di dalam menjaga dan menguruskan diri mereka sendiri.

1.4 Kedudukan Anak Yatim Pada Zaman Jahiliah

Zaman Jahiliah adalah merupakan zaman kegelapan yang penuh dengan kesesatan dan kejahilan. Kejahilan bangsa Arab pada masa ini bukan disebabkan

³¹ Muhammad Abū Zahrah (t.t), *Tanzīm al-Islāmī li al-Mujtama'*, Kaherah : Maktabah al-Najjāf wa al-Misriyyah, h. 130

³² Al-'Allāmah Muhammed Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī, Abī al-Tayyib (1990) (selepas ini Ābādī) , 'Awn al-Ma'būd Syarh Sunan Abī Dawūd , Kitāb al-Waṣyā, Bāb Mā Jā'a Matā Yanqati' al-Yatīm, no. hadis 2870, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah

kekurangan ilmu pengetahuan atau tidak berilmu. Jahil yang dimaksudkan ialah jahil dalam amalan dan hukum hakam.³³

Masyarakat yang hidup ketika itu kacau bilau tanpa peraturan-peraturan yang tertentu untuk diikuti. Mereka memerangi antara satu sama lain untuk mendapatkan sesuatu hajat tanpa memikirkan kehilangan nyawa atau harta benda. Orang-orang yang berkuasa, kuat dan gagah menindas dan menguasai golongan yang lemah. Dalam erti kata lain golongan yang lemah seperti fakir miskin dan anak yatim ditindas dan tidak mendapat hak-hak yang sewajarnya.³⁴

Dalam situasi inilah anak yatim hidup tanpa ada yang menghulurkan pertolongan. Mereka sentiasa diketepikan dan diasingkan dalam setiap urusan. Malah ada yang sanggup mengambil harta anak yatim dan membelanjakannya untuk kepentingan sendiri. Harta anak yatim adakalanya dibolot oleh pengaga atau walinya selepas kematian bapanya.³⁵

Namun begitu keadaan ini telah berubah sama sekali setelah kedatangan Islam. Islam telah menetapkan hak-hak yang adil dan sepatutnya diperolehi oleh anak yatim. Islam juga memandang anak yatim sama seperti insan yang mempunyai ibu bapa dan berhak mendapat hak-hak yang digariskan oleh Islam.

³³ Rasyid al-Jumali (1979), *Tārīkh al-'Arab fī al- Jāhiliyyah wa 'Aṣr al-Da'awah al-Islāmiyyah*, c.2 Baghdad : Maṭba'ah al-Risafi, h. 45

³⁴ 'Izz al-Din Bahr al-'Ullum (1393H), *al-Yatīm fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Beirut : Dār al-Zahrā', h. 23

³⁵ Dr. Jawād 'Alī (1970), *al-Mufassal fī Tārīkh al-'Arab Qabla al-Islām*, j. 5, Beirut : (t.p), h. 567

1.5 Anak Yatim Dalam Islam

Kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sebagai agama kesejahteraan telah membebaskan masyarakat Jahiliah yang hidup dalam kesesatan dan dosa. Firman Allah s.w.t. :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ
١٧

Maksudnya : Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam .

Surah al-Anbiyā' (21) : 107

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. adalah pembawa rahmat yang paling besar iaitu syariat Islam. Dengan terpancaranya syariat Islam ini maka lahirlah berbagai-bagai sistem yang serba lengkap dan adil.

Sistem-sistem ini mencakupi semua aspek termasuk aspek sosial, politik dan ekonomi. Bahkan antara misi utama Islam adalah untuk membela, menyelamat, melindungi dan memuliakan golongan yang lemah dan ditindas.

Islam juga tidak menganggap gelaran yatim itu sebagai sesuatu yang boleh mengurangkan darjat seseorang. Ini adalah kehendak Allah s.w.t. untuk menguji hambaNya dan di sebalik keyatiman ini terselit hikmah-hikmah yang tidak dicapai oleh akal manusia.

Junjungan besar kita Nabi s.a.w. juga dilahirkan dalam keadaan yatim setelah kematian bapanya sebelum baginda dilahirkan. Manakala ketika berusia enam tahun pula ibu baginda wafat. Sehubungan itu Allah s.w.t. telah berfirman :

الْمُّ يَجِدُكَ يَتِيمًا فَقَوْيٰ

Maksudnya : Bukankah Dia mendapatimu sebagai yatim, lalu Dia melindungimu?

Surah al-Duhā (93) : 6

Sistem sosial yang dibawa oleh Islam telah merubah sama sekali amalan Jahiliah terhadap anak yatim. Dalam Islam anak yatim tidak boleh diperlakukan sewenang-wenangnya terhadap diri dan harta mereka. Ini pernah berlaku kepada seorang wanita yang datang mengadu kepada Rasulullah s.a.w. mengenai penganiayaan yang dilakukan oleh saudara suaminya kepada beliau dan anak-anaknya. Saudara suami tersebut telah mengambil harta yang ditinggalkan oleh suaminya tanpa membelanjakan harta tersebut untuk kemaslahatan anak yatim tersebut.³⁶

Dengan turunnya wahyu Allah ini maka lupakanlah amalan Jahiliah terhadap anak yatim malah dalam Islam sudah tercatat undang-undang dan peraturan yang melarang dari mengkhianati anak yatim.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. anak yatim amat dimuliakan. Malah Rasulullah s.a.w. sendiri merupakan penghulu anak yatim apabila bapa baginda 'Abd Allāh meninggal dunia semasa masih dalam kandungan ibunya Aminah.

³⁶ Dr. Jawād 'Alī (1970), *op. cit.*, h. 575

Kelahiran baginda dalam keadaan yatim ini bukanlah satu kebetulan. Sebaliknya ia adalah bertujuan untuk menolak keraguan yang akan dicetuskan oleh orang yang benci kepada Islam dengan mengatakan bahawa baginda dididik oleh ibu, ayah atau datuknya. Daripada kecil lagi baginda dibesarkan jauh daripada ibu dan datuknya. Hikmahnya ialah agar baginda hanya menerima perlindungan dan didikan Allah s.w.t. sahaja sehingga baginda tidak mempunyai kecenderungan terhadap harta dan pangkat.³⁷

Dalam *sirah* Rasulullah s.a.w. terdapat beberapa kisah anak yatim. Ini berlaku setelah Islam mensyariatkan jihad menentang golongan musyrikin. Sebelum ini Rasulullah s.a.w. menyampaikan dakwah secara *hikmah* dan *maw'izah hasanah*.³⁸ Jihad disyariatkan selepas hijrah dengan turunnya ayat :

﴿٢٩﴾ أَذْنَ لِلّٰهِيْنِ يُقْتَلُوْنَ بِأَنَّهُمْ ظَلِيمُوْا وَإِنَّ اللّٰهَ عَلٰى نَصْرٍ هُمْ لَقَدِيرُ

Maksudnya : Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka itu dianiaya; dan sesungguhnya Allāh amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).³⁹

Surah al-Hajj (22) : 39

³⁷ Dr. Muhammad Sa'id Ramaḍān al-Būti (1980), *Fiqh al-Sīrah*, c. 9, Beirut : Dār al-Fikr, h. 59-62.

³⁸ Dr. al-Ḥusaynī Abū Farhah (1987), *al-Futūḥāt al-Rabbaniyyah fī al-Tafsīr al-Mawdū'iyy li al-Āyāt al-Qur'āniyyah*, j. 1, c. 3, (t.p), h.86

³⁹ Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang Islam yang besertanya telah ditindas dengan kejam oleh kaum kafir musyrik di Mekah sehingga baginda dan pengikut-pengikutnya terpaksa berhijrah ke Madinah. Oleh kerana kaum kafir musyrik tidak putus-putus mengancam dan menceroboh, maka baginda dan orang-orang Islam – yang telah puas bersabar – diizinkan oleh Allāh Ta'ala menghunus senjata menentang pencerobohan itu. Lihat : Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (1996), *Tafsir Pimpinan al-Rahmān kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, c. 13, h. 700

Dalam siri peperangan jihad ini terdapat para sahabat baginda yang sudah memiliki anak gugur syahid di medan peperangan. Antaranya ialah:

i) Ḥamzah bin ‘Abd. al-Muṭālib r.a.

Dalam Perang Uhud pada tahun 3H Ḥamzah telah gugur syahid.⁴⁰ Beliau meninggalkan seorang anak yang bernama Umāmah. Rasulullah s.a.w. telah pergi ke Mekah untuk menunaikan ‘Umrah Qadā’. Apabila baginda selesai mengerjakan umrah dan hendak pulang ke Madinah, Umāmah yang masih kecil telah mengikut baginda pulang ke Madinah.⁴¹

Setibanya baginda dan Umāmah ke Madinah, telah berlaku perebutan antara ‘Alī bin Abi Tālib dengan saudaranya Ja‘far bin Abi Tālib dan juga Zāyid bin Ḥārithah r.a. ‘Alī bin Abi Tālib telah mengambil Umāmah dan memberikannya kepada isterinya Fātimah binti Rasulullah s.a.w. seraya berkata: “Dia adalah anak bapa saudaraku dan di sisiku ada anak Rasulullah s.a.w. dan dia lebih berhak terhadapnya.”⁴²

Ja‘far bin Abi Tālib r.a. pula membantah dengan mengatakan bahawa dia lebih berhak terhadap Umāmah daripada ‘Alī kerana dia adalah suami kepada

⁴⁰ Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr (1992), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 4, Kaherah : Dār al-Ḥadīth, h. 19

⁴¹ Ibrāhīm Muhammād Khalīl et.al (1994), *Qaṣaṣ al-Yatāmā*, Arab Saudi : Al-Hay’ah al-Ighāthah al-Islāmiyyah al-Ālamīyyah, h.5

⁴² Khālid ‘Abd al-Rahmān (1990), *Hayāh al-Šaḥābiyyāt*, j.2, Damsyik : Dār al-Ḥikmah li al-Tibā’ah wa al-Nasyr, h. 206

emak saudara sebelah ibu⁴³ Umāmah iaitu Asmā' binti 'Umāys berkata : " Dia adalah anak bapa saudaraku (Hamzah) dan ibu saudaranya ialah isteriku ."⁴⁴

Zayd bin Ḥārithah r.a. pula menyatakan bahawa Umāmah adalah anak kepada saudaranya Hamzah kerana Nabi s.a.w. telah mempersaudarkan antaranya dengan Ḥamzah r.a. ketika baginda mempersaudarkan antara golongan *Muhājirin* dan *Ansār*.⁴⁵

Rasulullah s.a.w. merasa gembira dengan sikap para sahabatnya yang berlumba-lumba untuk memelihara Umāmah dengan hati yang penuh dengan sifat *rahmah*. Lalu bagindapun memutuskan bahawa Ja'far r.a. yang akan memelihara Umāmah kerana ibu saudara (sebelah ibu) mengambil tempat ibu kandung.⁴⁶

ii) Abū Salamah

Apabila Abū Salamah meninggal dunia,⁴⁷ beliau telah meninggalkan isterinya Ummu Salamah dan empat orang anak iaitu 'Umar, Salamah, Zaynab dan Durrah.⁴⁸

⁴³ Nama ibu 'Umāmah binti Ḥamzah ialah Salmā binti 'Umāys

⁴⁴ *Ibid*

⁴⁵ Ibrāhīm Muḥammad Khalīl et.al (1994), *op. cit.* h.5

⁴⁶ Khālid 'Abd al-Rahmān (1990), *op. cit.*, h. 206

⁴⁷ Nama sebenar Abū Salamah ialah 'Abd Allāh bin 'Abd al-Asad bin Hilāl bin 'Abd Allāh bin 'Umar bin Makhzūm. Beliau telah berhijrah bersama isterinya ke Habsyah kemudian mereka berdua kembali ke Madinah. Dalam perperangan Uhud Abū Salamah telah mendapat kecederaan dan beliau telah meninggal dunia akibat kecederaan tersebut. Lihat : Khālid 'Abd al-Rahmān, *op. cit.*, h.74

⁴⁸ Ibrāhīm Muḥammad Khalīl et.al (1994), *op. cit.* h. 7

Rasulullah s.a.w. berasa kasihan kepada Ummu Salamah dan anak-anaknya yang yatim. Lalu bagindapun mengambil keputusan untuk mengahwini Ummu Salamah sebagai memuliakannya dan juga untuk menjaga anak-anaknya.⁴⁹

Selepas tamat ‘iddahnya, baginda telah mengutuskan ‘Umar bin al-Khattāb untuk meminang Ummu Salamah. Akan tetapi Ummu Salamah menolak lamaran itu dengan alasan bahawa dia seorang wanita yang kuat cemburu kepada suaminya dan mempunyai anak yang ramai. ‘Umar pun menyampaikan kepada Rasulullah s.a.w. tentang apa yang telah diperkatakan oleh Ummu Salamah lalu bagindapun bersabda:⁵⁰

أَمَا مَا ذَكَرْتِ مِنْ الْغِرْةِ فَسَوْفَ يُذْهِبَا اللَّهُ عَزَّ وَ جَلَّ مِنْكِ وَ أَمَا مَا ذَكَرْتِ مِنْ السَّنَنَ فَقَدْ أَصَابَنِي مِثْلُ الَّذِي أَصَابَكِ وَ أَمَا مَا ذَكَرْتِ مِنْ
الْعِيَالِ فَإِنَّمَا عِيَالَكَ عِيَالِي

Maksudnya : Adapun jika apa yang kamu katakan tentang cemburu maka Allah akan menghilangkan perasaan cemburu itu, manakala apa engkau katakan tentang umur sesungguhnya aku seperti kamu dan berkenaan apa yang engkau katakan bahawa engkau mempunyai ramai anak maka sesungguhnya tanggungan kamu adalah juga tanggunganku.

Setelah mendengar kata-kata Rasulullah s.a.w. Ummu Salamah pun bersetuju untuk berkahwin dengan baginda. Baginda telah menunaikan janjinya untuk menjaga dan mendidik anak-anak Ummu Salamah dengan baik.

⁴⁹ *Ibid*

⁵⁰ Ibn Ḥanbal (1992), *op.cit.*, Awwal Musnad al-Madaniyyin r.a, Ḥadīth Abi Salamah bin ‘Abd al-Asad r.a, no. hadis 15751

iii) Ja'far bin Abī Ṭālib

Dalam peperangan Mu'tah⁵¹ Ja'far bin Abī Ṭālib telah gugur syahid.

Setelah tiga hari syahidnya Ja'far Rasulullah s.a.w. pun pergi menziarahi anak-anak Ja'far lalu berkata : "Jangan kamu menangis dan mengingati saudaraku (Ja'far) mulai hari ini."⁵²

Ja'far mempunyai dua orang anak yang masih kecil iaitu Muḥammad dan 'Abd Allāh. Seorang didukung dan seorang lagi dipimpin ibunya. Kemudian Rasulullah s.a.w. memanggil tukang cukur untuk mencukur kedua kepala anak tersebut. Setelah bercukur baginda memeluk kedua-duanya dan berkata : "Muḥammad ini menyerupai bapa saudara kami Abī Ṭālib manakala 'Abd Allāh (yang kecil) menyerupaiku pada rupa dan akhlaknya." Kemudian baginda berdoa sebanyak tiga kali : "Ya Allah turunkanlah pengganti Ja'far dari kalangan putera-puteranya dan berkatilah 'Abd Allāh dalam usahanya." Setelah itu baginda berkata kepada ibu mereka yang sedih memikirkan keadaan anak-anaknya dan bersabda : "Janganlah engkau takut dan cemas dengan keadaan mereka, aku akan menjadi pengasuh mereka di dunia dan di akhirat"⁵³

Dari pada pembentangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa anak yatim mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia dalam Islam. Orang yang menjaga mereka adalah sangat hampir dengan Rasulullah s.a.w. di akhirat kelak.

⁵¹ Peperangan Mu'tah berlaku pada bulan Jamadil Awal 8H. Lihat : 'Abd al-Salām Hārun (t.t), *Tahdhīb Sirāh Ibni Hisyām*, Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 271

⁵² Abū al-Fidā' al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr (1992), *op. cit.*, h.247-249

⁵³ *Ibid*

1.6 Kedudukan Anak Yatim di Dalam al-Quran dan al- Ḥadīth

Perlindungan terhadap anak yatim mendapat perhatian utama di dalam Islam sebagaimana yang telah ditegaskan di dalam al-Quran dan al- Ḥadīth. Secara umumnya terdapat empat lafaz dalam al-Quran yang memperkatakan tentang anak-anak yatim. Perkataan-perkataan tersebut ialah *al-Yatīm*, *Yatīman*, *al-Yatāmā* dan *Yatīmayn*.⁵⁴ Terdapat 23 kali sebutan anak yatim di dalam 22 ayat yang terkandung di dalam 12 surah.⁵⁵

1.6.1 Ayat-ayat al-Quran Berkaitan Anak Yatim

Hasil daripada penelitian penulis terhadap ayat-ayat al-Quran, terdapat lima ayat yang menggunakan lafaz *al-Yatīm* iaitu:

- i) Surah al-An‘ām (6) : 152
- ii) Surah al-Isrā’ (17) : 34
- iii) Surah al-Fajr (89) : 17
- iv) Surah al-Duḥā (93) : 9
- v) Surah al-Mā‘ūn (107) : 2

⁵⁴ Dr. Muḥammad Hasan al-Himsī (1984), *Qur'an Karim Tafsīr wa Bayān ma'ā Asbāb al-Nuzūl li al-Suyūtī ma'ā Fahāris Kāmilah li al-Mawāḍī' wa al-Alfāz*, Damsyik: Dār al-Rasyid li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 238

⁵⁵ *Ibid*

Manakala ayat-ayat yang menggunakan lafaz *Yatīman* adalah sebanyak tiga ayat iaitu :

- i) Surah al-Insān (76) : 8
- ii) Surah al-Balad (90) : 15
- iii) Surah al-Duḥā (93) : 6

Lafaz *al-Yatāmā* pula adalah yang paling banyak digunakan di dalam al-Quran iaitu sebanyak 14 kali. Ayat-ayatnya adalah seperti berikut:

- i) Surah al-Baqarah (2) : 83
- ii) Surah al-Baqarah (2) : 177
- iii) Surah al-Baqarah (2) : 215
- iv) Surah al-Baqarah (2) : 220
- v) Surah al-Nisa' (4) : 2
- vi) Surah al-Nisa' (4) : 3
- vii) Surah al-Nisa' (4) : 5
- viii) Surah al-Nisa' (4) : 8
- ix) Surah al-Nisa' (4) : 10
- x) Surah al-Nisa' (4) : 36
- xi) Surah al-Nisa' (4) : 127
- i) Surah al-Anfāl (8) : 41
- xiii) Surah al-Hasyr (59) : 7

Seterusnya hanya terdapat satu ayat sahaja di dalam al-Quran yang menggunakan lafadz *Yatīmāyñ* iaitu Surah al-Kahfi (18) : 82.

Islam amat mengambil berat mengenai kebajikan anak yatim ini meliputi urusan memberi pendidikan, memelihara diri, harta dan perbelanjaan mereka jika mereka mempunyai harta di samping menggalakkan umat Islam berlaku lemah lembut terhadap mereka. Seperti firman Allah :

فَأَمَا الْيَتِيمَ فَلَا تُقْهِرْ
①

Maksudnya : Oleh itu, ada pun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya.

Surah al-Duḥā (93) : 9

1.6.2 Anak Yatim Di dalam al-Hadīth

Terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang memperkatakan tentang anak yatim. Antaranya ialah hadis yang menyatakan tentang ganjaran syurga bagi mereka yang berbuat baik dan memelihara anak yatim berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:⁵⁶

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَنَا وَكَافِلُ الْيَتَمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا
وَأَشَارَ بِإِصْبَاعِهِ إِلَى السَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى

Maksudnya : Rasulullah s.a.w. telah bersabda : Aku dan penjaga anak yatim di dalam syurga seperti ini dan baginda berkata

⁵⁶ Muḥammad bin Ismā'īl Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1992), *Šaḥīḥ Bukhārī*, Kitāb al-Adab, Bāb Faḍl man Ya'ūl Yatīman, no. hadis 5546, Istanbul: Dār Saḥnūn.

dengan menunjukkan dua jari baginda iaitu jari telunjuk dan jari tengah.

Dilihat dari sini didapati kedudukan penjaga anak yatim adalah seperti kedudukan para nabi. Baginda akan memegang kepala anak yatim setiap kali bertemu dengannya, menunjukkan belas kasihan dan kasih sayang kepada anak tersebut. Baginda juga menyarankan kepada seorang sahabat yang datang mengadu bahawa hatinya keras lalu bagindapun bersabda:⁵⁷

إِنَّ أَرْدَتَ أَنْ تَلِينَ قَلْبَكَ فَأَطْعِمُ الْمِسْكِينَ وَامْسَحْ رَأْسَ الْيَتَيمِ

Maksudnya : Jika kamu mahu melembutkan hatimu maka berilah makan orang miskin dan usaplah kepala anak yatim

Mengusap kepala anak yatim pada hakikatnya tersirat hikmah penawar atau ubat bagi hati yang keras dan pahala kebaikan yang banyak.

Rasulullah s.a.w. juga menyatakan tentang rumah yang paling baik dan rumah yang paling buruk di dalam sabdanya:⁵⁸

**خَيْرٌ بَيْتٌ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُحْسِنُ إِلَيْهِ وَ شَرٌّ بَيْتٌ فِي الْمُسْلِمِينَ
بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُسَاءُ إِلَيْهِ**

Maksudnya : Sebaik-baik rumah orang Islam adalah rumah yang terdapat anak yatim yang diperlakukan dengan baik dan seburuk-buruk rumah orang Islam ialah rumah-rumah yang terdapat anak yatim yang diperlakukan secara buruk.

⁵⁷ Ahmad bin Hanbal Abū 'Abd Allāh al-Syaybānī (t.t), *Musnad Aḥmad*. Bāqī Musnad al-Mukathirin, Musnad Abi Hurayrah r.a, no. hadis 7260 Mesir: Mu'assasah al-Qurtubah.

⁵⁸ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Quzwaynī (1992), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Adab, Bāb Haqq al-Yatim, no. hadis 3669, Istanbul: Dār Saḥnūn.

Islam juga menggesa semua wali anak yatim supaya membiarkan anak-anak tersebut supaya bercampur gaul dengan anak-anak yang berada di bawah jagaannya, makan dan bekerjasama dengan mereka serta melayan anak yatim sama seperti melayan anak sendiri sepetimana firman Allah s.w.t.:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحُهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ
تُحَاذِطُهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَمْقْسِدَ مِنَ الْمُفْلِحِينَ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ
لَا عَنْتَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya : Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya," dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama); dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendakki tentulah Ia memberatkan kamu (dengan mengharahkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana

Surah al-Baqarah (2) : 220

1.7 Perbezaan Antara Anak Yatim dengan Bukan Yatim

Di dalam Islam terdapat berbagai status anak sesuai dengan sumber asal anak itu sendiri. Setiap keadaan menentukan kedudukannya membawa sifatnya sendiri dan memberi haknya. Hubungan antara anak dengan ibu bapanya mempunyai syarat-syarat yang membenarkan hubungan antara keduanya. Perkahwinan yang menentukan status anak dan menghalalkan hubungan antara

sepasang suami dan isteri. Di dalam Islam anak dinasabkan kepada bapanya untuk menunjukkan keturunan dan asal usulnya.⁵⁹

Anak yatim merupakan golongan yang mempunyai nasab yang jelas kerana mereka dilahirkan daripada perkahwinan yang sah di sisi syarak. Di Malaysia semua negeri mensyaratkan bahawa setiap perkahwinan hendaklah didaftarkan mengikut peruntukan yang telah ditetapkan. Dr. Muhammad Fu'ad Fakhruddin telah membahagikan anak kepada enam kategori iaitu:

- i) Anak Kandung
- ii) Anak Angkat
- iii) Anak Susuan
- iv) Anak Pungut
- v) Anak tiri
- vi) Anak Zina⁶⁰

Seterusnya penulis akan menghuraikan mengenai kategori anak yang telah dinyatakan di atas. Anak kandung bererti anak sendiri yakni anak yang dilahirkan oleh seorang ibu dari suaminya yang sah berdasarkan perkahwinan yang memenuhi syarat. Anak dari kandungan ibunya tetapi hasil perzinaan tidak menimbulkan anak kandung yang sah.⁶¹

⁵⁹ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 7, c. 3, Damsyik : Dār al-Fikr, h. 679

⁶⁰ Dr. Muhammad Fu'ad Fakhruddin (1999), *op. cit.*, h. 57

⁶¹ *Ibid*

Anak angkat pula adalah anak yang diambil oleh orang lain daripada ibu bapanya untuk dijadikan sebagai anak sendiri di mana anak itu dinasabkan dengan nasab bapa angkatnya dan anak ini akan menikmati hak-hak sepetimana anak kandung sendiri. Kemungkinan anak itu bukan lahir daripada perkahwinan rasmi yang sah namun ia tetap anak orang lain yang berpindah tangan dan diambil alih.⁶² Keadaan sebegini memang telah diamalkan oleh masyarakat Jahiliah sebelum kedatangan Islam dan Rasulullah s.a.w. telah menjadikan Zayd b. Hārithah sebagai anak angkat baginda sebelum *Nubūwwah* dengan memanggilnya sebagai Zayd b. Muhammad. Kemudian Allah s.w.t. telah membatakan dan mengharamkan *nizām al-Tabarri*.⁶³ dengan turunnya firman Allah s.w.t. :

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مَنْ قَلَّتِينِ فِي حَوْفَهِ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمُ الَّتِي
تُظَاهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ وَمَا جَعَلَ أُدْعِيَاءَ كُمْ أَبْنَاءَ كُمْ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ
بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقُّ وَهُوَ يَهْدِي أَلْسِنَتَكُمْ
Ⓐ

Maksudnya : (Diperintahkan dengan yang demikian kerana Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya, dan ia tidak menjadikan isteri-isteri yang kamu ziharkan itu sebagai ibu kamu; dan ia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. (Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah!) Allah menerangkan yang benar, dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul.

Surah al-Aḥzāb (33) : 4

⁶² Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1993), *al-Muṣaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah*, j. 9, Beirut : Mu'assasah al-Risālah li al-Tibā'ah wal-Nasyr wa al-Tawzī', h. 437

⁶³ Ahmad Fā'iz (1992), *Dustūr al-Uṣrah fi Zilāl al-Qur'ān*, c.6, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, h. 349

Dalam mentafsirkan ayat ini Ibn Kathir mengatakan bahawa maksud (ادعاءكم) adalah orang yang dipanggil anak iaitu Allah s.w.t. tidak menjadikan anak angkat sebagai anak kandung. Ini adalah kerana anak angkat itu lahir daripada percantuman benih orang lain maka anak itu tidak mungkin menjadi anak sendiri hanya dengan mengatakan “Sesungguhnya anak ini adalah anak saya”.⁶⁴

Apabila Islam melarang *nizām al-Tabānnī*, maka Allah s.w.t. membatalkan juga kesan-kesan yang timbul daripadanya. Antaranya ialah Allah s.w.t. mengharuskan bapa angkat untuk mengahwini isteri anak angkatnya apabila telah dipisahkan dengan sebab talak ataupun kematian. Ini jelas apabila Allah s.w.t. telah menyuruh baginda s.a.w. untuk mengahwini isteri Zayd b. Hārithah iaitu Zaynab bint Jaḥsy setelah dia diceraikan oleh Zayd.⁶⁵ Hal ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t.:

فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرَا زُوْجَتَكُمْ لَكُنْ لَا يَكُونُ عَلَى
الْمُؤْمِنِينَ حَرَّجَ فِي أَرْوَاجِ أَذْعِنَّا بِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرَأْ وَكَانَ أَمْرٌ
اللَّهُمَّ مَقْعُولًا

Maksudnya : Kemudian setelah Zayd selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkuu dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat mereka telah itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isteri-isterinya (lalu menceraikannya). Dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.

Surah al-Aḥzāb (33)

⁶⁴ al-Hāfiẓ Ibn Kathir (1971), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j.3, Kaherah : Dār al-Sya'b, j.6, h. 377

⁶⁵ Dr. ‘Abd al-Karim Zaydān (1993), *op. cit.*, h. 438

Dalam mentafsirkan ayat ini Ibn Kathir mengatakan apabila Zayd telah menceraikan isterinya Zaynab maka Allah s.w.t. telah mengahwinkan Zaynab dengan Rasulullah s.a.w. Hikmahnya adalah supaya ianya tidak menjadi satu kesukaran bagi orang-orang yang beriman untuk mengahwini bekas isteri anak angkat mereka.⁶⁶

Anak Susuan pula bererti anak yang menyusu daripada seorang wanita yang tertentu. Ini adalah satu kebiasaan bagi masyarakat Jahiliah, bahkan Rasulullah s.a.w. sendiri telah disusukan oleh beberapa wanita antaranya ialah Halimah al-Sa'adiyyah.⁶⁷

Anak *Laqīṭ* (لقطة) atau Anak Pungut adalah bayi yang tidak diketahui nasabnya yang dibuang di jalan ataupun di masjid dan sebagainya. Tujuan ianya dibuang adalah untuk mengelakkan diri daripada tuduhan zina, manakala orang yang mengambilnya dipanggil *multaqīṭ* (ملقط).⁶⁸ Jumhur ulama mengatakan adalah wajib untuk mengambil anak-anak yang dijumpai (لقطة) ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ

Maksudnya : Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa...

Surah al-Mā'idah (5) : 2

⁶⁶ Ibn Kathir (1971), *op. cit.*, j.6, h. 378

⁶⁷ Dr. Fu'ad Mohd. Fakhruddin (1999), *op.cit.*, h.105

⁶⁸ Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1993), *op. cit.*, h. 416

Ini adalah kerana anak *Laqiṣ* ini merupakan anak Ādam yang dimuliakan dan menjadi kewajipan bagi orang yang menemuinya untuk terus menjamin anak ini terus hidup. Selain itu orang yang menjumpainya wajib memberi makan dan memeliharanya dengan baik.⁶⁹

Anak tiri pula merupakan anak suami atau isteri dari perkahwinannya dengan orang lain. Anak yang dibawa serta dalam perkahwinan yang baru maka menjadi anak tiri bagi suami atau isteri tersebut.

Manakala anak zina adalah anak yang lahir bukan daripada perkahwinan yang sah dan anak ini tidak boleh dibinkan kepada lelaki yang telah berzina dengan ibunya. Anak yang dilahirkan bukan daripada perkahwinan yang sah, ianya tidak dikira sebagai anak yatim walaupun telah kematian bapanya ataupun ibu bapanya. Kedudukan anak-anak tersebut adalah anak tak sah taraf.⁷⁰

1.8 Penentuan Had Umur Yatim

Setiap umat Islam terutamanya para wali anak yatim hendaklah mengetahui dengan jelas had umur anak yatim sebelum melaksanakan kewajipan dan hak yang telah ditetapkan syarak kepada mereka. Ini supaya tidak berlaku penyelewengan terhadap mereka yang benar-benar berhak menerima bantuan

⁶⁹ *Ibid.*, h. 418

⁷⁰ Selangor, Enakmen Keluarga Islam, No.4, Thn. 1984, 4/84 Seksyen 6

tersebut. Lebih jelas lagi sampai bilakah para wali wajib memberikan hak mereka sebagai anak yatim.

Perkara yang menentukan apakah seorang anak itu masih dianggap yatim ataupun tidak ialah umur balighnya. Di dalam Islam terdapat dua cara untuk menentukan bahawa seseorang itu telah baligh iaitu secara *tabi'iyy* dan secara *sunni* atau penentuan mengikut umur berdasarkan tahun *qamariyyah* iaitu tahun Hijrah.

a. Cara *Tabi'i* atau Fizikal

Cara ini adalah bersangkutan dengan perubahan fizikal dan perkembangan emosi serta tanda-tanda yang disepakati oleh para fukaha seperti keluar haid bagi perempuan dan bermimpi bagi lelaki.⁷¹

b. Penentuan Mengikut Umur

Selain daripada cara di atas terdapat satu cara lagi bagi menentukan tahap baligh bagi seorang anak sekiranya ia tidak mengalami tanda-tanda tersebut. Para fuqahā' telah berselisih pendapat dalam menentukan jangka masa kanak-kanak menjadi baligh mengikut umur. Sebahagian daripada mereka menentukan usia baligh bagi kanak-kanak lelaki ialah 12 tahun dan ada yang mengatakan 10 tahun. Manakala kanak-kanak perempuan pula ialah 9 tahun.⁷²

⁷¹ Muhammad Abū Zahrah (1970), *al-Wilāyah 'alā al-Nafs*, Beirut : Dār al-Rā'īd al-'Arabi, h. 552

⁷² *Ibid*

Menurut Imam al-Syāfi'i, Awzā'i, Abū Yūsuf dan Muḥammad daripada madhhab Hanafi dan Hanbali bersepakat mengatakan had umur maksima bagi seorang kanak-kanak itu mencapai usia baligh ialah 15 tahun yang mana dengan berakal itulah tertegaknya sesuatu hukum ke atas seseorang.⁷³

Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. :⁷⁴

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنِ الْجُنُونِ الْمُغْلُوبِ عَلَى عَقْلِهِ حَقِّ يَقِينٍ وَعَنِ النَّائِمِ حَقِّ
يَسْتَيقِطُ وَعَنِ الصَّبَّ حَقِّ يَخْلُمُ

Maksudnya : Tidak dicatat amalan terhadap tiga golongan iaitu orang gila sampai dia kembali sedar dan orang yang tidur sehingga dia jaga dan kanak-kanak sehingga ia bermimpi (dewasa).

Manakala dalam hadis riwayat Nafī', 'Umar menceritakan bahawa :⁷⁵

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرَضَهُ يَوْمَ أَحْدَى وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعَ عَشَرَةَ
سَنَةً فَلَمْ يُجْزِيْ نِعْمَةَ عَرَضِيْ يَوْمَ الْخَنْدَقِ وَأَنَّا ابْنُ هُنْسَ عَشَرَةَ سَنَةً فَاجْزَأْنَا

Maksudnya : Rasulullah s.a.w. telah bertemu dengannya pada hari Perang Uhud pada ketika itu ia berusia 14 tahun, maka tidak diizinkan berperang. Kemudian baginda s.a.w bertemu denganku dalam Peperangan Khandaq dan ketika itu aku berusia 15 tahun, aku diizinkan oleh Baginda turut serta dalam peperangan itu.

⁷³ Muḥammad al-Syarbini al-Khāṭib (1958), *al-Mughnī al-Muḥtāj*, j.2, Kaherah : Maṭba'ah al-Bābī al-Ḥalabī, h. 167

⁷⁴ Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistāni al-Azdi (1992), *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb fī al-Majnūn Yasriqū aw Yuṣīb Ḥaddān, no. hadis 3823, Istanbul: Dār Saḥnūn

⁷⁵ Al-Bukhārī (1992), *op. cit*, Kitāb al-Syahādāt, Bāb Bulūgh al-Šibyān wa Syahādatihim, no. hadis 2470.

1.9 Perwalian Ke Atas Diri Anak Yatim

Maksud perwalian ke atas diri adalah tanggungjawab menjaga, memelihara dan mendidik kanak-kanak yang belum dewasa sama ada dari segi fizikal, mental atau kerohanian.⁷⁶ Perwalian ini meliputi perwalian di dalam perkahwinan dan pendidikan.

Sebab-sebab berlakunya perwalian atas diri ialah kelemahan seseorang untuk menguruskan dirinya seperti kanak-kanak, orang gila dan perempuan serta keperluan seseorang terhadap pendidikan, pengajaran dan pengasuhan.

Perwalian ke atas diri anak yatim itu dilaksanakan untuk menjaga keselamatan, mengawasi hal-hal yang berhubung dengan diri dan segala bentuk keperluan yang perlu diperolehnya. Islam telah menentukan tugas perwalian ini hendaklah diserahkan kepada orang-orang yang benar-benar dapat memberikan kebahagiaan dan kesejahteraan kepada anak yatim itu. Orang yang paling berhak di dalam perwalian terhadap diri anak ialah bapa, sekiranya bapa tersebut meninggal dunia maka ia berpindah ke tangan datuk sebelah bapa. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah dipelihara oleh datuknya ‘Abd al-Muṭālib dan beliau menganggap Rasulullah s.a.w sebagai anaknya sendiri.⁷⁷

⁷⁶ Muḥammad Abū Zahrah (1970), *op. cit.*, h. 29

⁷⁷ Dr. Inās ‘Abbās Ibrāhīm (1985), *op. cit.*, h. 310

Sekiranya anak tersebut ketiadaan bapa atau datuknya maka perwalian tersebut berpindah ke tangan orang yang mengikut keutamaan seperti berikut :⁷⁸

- i) Saudara kandung lelaki
- ii) Saudara lelaki sebapa
- iii) Anak-anak kepada saudara lelaki seibu sebapa
- iv) Bapa saudara sebelah bapa
- v) Sepupu lelaki sebelah bapa
- vi) Qadi yang telah mengamanahkan anak itu dijaga oleh salah seorang keluarganya atau orang lain yang diketahui tentang amanahnya atau bergantung kepada kebijaksanaan qadi.

Berdasarkan susunan wali di atas jelaslah bahawa wali adalah terdiri dari kerabat yang dekat yang mempunyai hubungan darah dengan anak itu. Wali itu berhubung kait sama dengan kedudukan anak itu dalam menerima harta warisan.

Perkara yang dititik beratkan dalam perwalian ke atas diri seorang anak itu merangkumi tiga perkara iaitu :

- i) Memberi pendidikan dan pengajaran
- ii) Menunaikan segala urusan yang berkaitan dengan diri anak itu
- iii) Mencegah daripada sebarang kekejaman dan bala

⁷⁸ *Ibid*, h. 311

1.10 Hak-hak Anak Yatim

Secara umumnya terdapat dua hak yang mesti ditunaikan terhadap anak yatim iaitu hak material dan hak spiritual.

a) Hak Berbentuk Material

Nafkah

Nafkah dari segi bahasa ialah mengeluarkan dan membelanjakan. Manakala dari segi istilah ialah mengeluarkan belanja atau saraan kepada orang yang dipertanggungjawabkan terhadapnya. Nafkah itu sama ada berupa makanan, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain keperluan sehari-hari. Perkataan nafkah hanya digunakan pada perkara kebaikan sahaja.⁷⁹

Dalam konteks anak yatim, para wali adalah bertanggungjawab untuk menunaikan hak nafkah terhadap mereka. Syarak membenarkan para wali mengambil dan menggunakan harta anak yatim untuk tujuan lain yang bermanfaat ini dengan syarat digunakan secara amanah dan adil. Sekiranya anak yatim itu tidak berharta maka nafkahnya ditanggung oleh kaum kerabat yang berhak atasnya.⁸⁰

⁷⁹ Sayid al-Bakr bin Bakr al-Dimyāṭī (1980), *Hāsyiyah al-I'nan al-Tālibīn*, j. 4, Beirut : Dār al-Fikr, h. 60

⁸⁰ Abd al-Rahmān al-Jazīrī (1970), *Kitāb al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, j. 4, Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h.587

Dalam hubungan, ini al-Quran telah menentukan bahawa nafkah kepada anak yatim merupakan amalan yang paling mendekatkan diri kepada Allah. Firman Allah dalam menggambarkan orang-orang yang bertaqwa :

وَيُطْعِمُونَ الْطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ، مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ⑧

Maksudnya : Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajatinya dan disukainya kepada orang miskin, anak yatim serta orang tawanan.

Surah al-Insān (76) : 8

Dan firman Allah s.w.t. lagi :

فَلَا أَقْتَحِمُ الْعَقَبَةَ ⑨ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةَ ⑩ فَكُرْرَبَةٌ ⑪ أَوْ
إِطْعَمْ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْفَبَةٍ ⑫ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ⑬

Maksudnya : Maka tidakkah sebaiknya (dengan hartanya itu) ia menempuh jalan yang mendaki lagi sukar? Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu? (iaitu) melepaskan budak dari perbudakan atau memberi makan pada hari kelaparan (kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat.

Surah al-Balad (90) : 11-15

Sekiranya anak yatim itu tidak mempunyai keluarga yang boleh menanggung nafkah mereka, ianya menjadi tanggungjawab baitulmal.⁸¹

⁸¹ Muhammad Abū Zahrah (1970), *op. cit.*, h. 137

b) Hak Berbentuk Spiritual

i. Sabitan Kebapaan (*Thubūt al-Nasab*)

Thubūt al-Nasab merupakan sebahagian daripada sabitan keturunan. Ia penting bagi anak yatim untuk menentukan kesahartarafannya serta memastikan haknya untuk mendapat nafkah, penjagaan diri, penjagaan harta dan pusaka.

Dalam menentukan *Thubūt al-Nasab* untuk penentuan nasab, ia perlu dilihat kepada tiga keadaan iaitu sama ada anak yang lahir melalui perkahwinan yang sah, atau melalui pengakuan saksi⁸² ataupun melalui keterangan dan bukti.⁸³

Ini jelas menunjukkan bahawa di dalam menasabkan seseorang anak kepada bapanya hendaklah memenuhi salah satu daripada tiga keadaan di atas. Jika tidak anak tersebut tidak boleh dinasabkan. Apabila telah jelas nasabnya maka para wali mesti menunaikannya dengan memelihara dan mendidik anak yatim tersebut dengan baik.

⁸² Ini berlaku dengan cara pengakuan seorang ayah terhadap seorang anak sebagai anaknya atau sebaliknya. Lihat : Abū al-'Aynayn Badrān ((1981), *Huqūq al-Awlād fī al-Syārī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qanūn*, Mesir : Mu'assasah Syabāb al-Jāmi'iyyah, h. 36

⁸³ Keterangan tersebut hendaklah dibuat oleh seorang saksi lelaki atau dua orang saksi perempuan. Lihat : Dr. Muhammad Yusuf Mūsa (1958), *Aḥkām al-Aḥwāl al-Syakhsiyah fī al-Fiqh al-Islāmi*, Mesir : Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 386-387

ii. Kasih Sayang

Kasih sayang merupakan faktor yang utama dalam pembentukan peribadi seorang kanak-kanak amnya dan anak yatim khususnya. Perhatian melalui kasih sayang akan mewujudkan perasaan bahawa kehadiran mereka dalam keluarga baru diterima dan dilindungi.

iii. Penyusuan

Penyusuan merupakan hak dan perlindungan bagi setiap kanak-kanak yang masih kecil. Ia merupakan satu bentuk jaminan bagi pembesaran kerana susu adalah bahan makanan yang sesuai dengan umurnya pada peringkat awal kelahirannya. Ini adalah bentuk perlindungan yang pertama dan ia termasuk di dalam nafkah yang wajib diberikan oleh para wali anak yatim. Jika anak yatim tersebut mempunyai ibunya maka ibu adalah orang yang paling berhak ke atas anaknya dari segi penyusuan. Ini jelas seperti firman Allah s.w.t. yang menegaskan :

﴿وَالْوَابِدَاتُ بُرْضُعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِيمَ
أَرْضَاعَةً﴾

Maksudnya : Para ibu hendaklah menyusukan anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang mahu menyempurnakan penyusuannya.

Surah al-Baqarah (2) : 233

Menurut mazhab Syāfi'i, ibu hanya wajib memberi susu yang pertama bagi setiap kelahiran yang dikenali sebagai *laba'*⁸⁴ kerana ia penting bagi bayi itu. Manakala bagi hari-hari berikutnya ibu tidak lagi diwajibkan menyusukan anaknya itu sama ada ibu itu masih sebagai isteri atau yang telah diceraikan dengan syarat ada wanita lain yang akan menyusukan anak itu. Jika tidak ada wanita lain maka ibu tetap wajib meneruskan tempoh penyusuan tersebut.⁸⁵

Manakala mazhab Mālikī pula menetapkan bahawa seseorang ibu itu boleh dipaksa supaya menyusukan anaknya, selagimana isteri itu masih menjadi isteri yang sah kepada bapa anaknya atau ibu yang telah diceraikan dengan talak *raj'iyy*.⁸⁶ Ibu juga boleh dipaksa sekiranya anak itu tidak mahu menyusu dengan wanita lain melainkan ibunya sendiri.⁸⁷ Menurut mazhab Ḥanafī pula, penyusuan tetap menjadi tanggungjawab ibu selagimana ibu itu tidak menyalahgunakan haknya sehingga membahayakan anaknya.⁸⁸

Akan tetapi jika ibunya enggan untuk menyusukan bayi tersebut maka ia tidak boleh dipaksa atau jika menuntut upah yang tertentu dan terdapat pula wanita lain yang mahu menyusukan secara percuma atau upah yang lebih rendah daripada upah yang diminta oleh si ibu maka dengan sendirinya hak menyusukan bayi terhadap ibu tadi gugur dan diserahkan kepada wanita lain yang boleh

⁸⁴ Muhammad al-Syarbini al-Khāṭib (1958), *op. cit.*, j. 3, h. 787-788

⁸⁵ Zakariyā Ahmād al-Barrī (1964), *Aḥkām al-Awlād fī al-Syārī'ah al-Islāmiyyah*, (t.p), h. 40-41

⁸⁶ Wanita yang diceraikan talaq satu atau talaq dua

⁸⁷ Zakariyā Ahmād al-Barrī (1964), *op. cit.*, h. 32 - 33

⁸⁸ *Ibid*

menyusukan secara sukarela.⁸⁹ Alasannya ialah penyusuan adalah sebahagian daripada nafkah manakala nafkah itu adalah wajib ke atas bapa seorang sahaja. Dalam konteks anak yatim, adalah menjadi kewajipan para wali untuk mencari orang yang boleh menyusukan anak yatim yang berada di bawah jagaannya iaitu dengan membayar upah kepada orang yang mahu menyusukan anak tersebut.⁹⁰

Tempoh Penyusuan

Tempoh menyusu bagi seorang kanak-kanak ialah sehingga umurnya dua tahun berdasarkan firman Allah s.w.t. :

﴿وَالْوَلِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَئِنَّ حَوْلَتِنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ
الرُّضَاعَةُ﴾

Maksudnya : Para ibu hendaklah menyusukan anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang mahu menyempurnakan penyusuannya.

Surah al-Baqarah (2) : 233

Sebagai kesimpulannya, para wali adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap anak yatim yang berada di bawah jagaannya dan masih menyusu dapat meneruskan penyusuannya setelah kehilangan bapa yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak tersebut.

⁸⁹ Abū al-'Aynayn Badrān (1961), *al-Zawāj wa al-Talāq Fī al-Islām*, c. 2, (t.p), h. 321

⁹⁰ Dr. Aḥmad al-Kubaysyī (1972), *al-Āḥwāl al-Syakhṣiyāh*, j. 2, (t.p), h. 348

iv. *al- Ḥadānah* (Hak Pengasuhan Kanak-kanak)

Definisi *al- Ḥadānah*

Dari segi bahasa *al- Ḥadānah* adalah diambil daripada perkataan (الحدنة) yang bermaksud apa yang terletak di antara ketiak dan pusat.⁹¹ Ia juga diertikan sebagai dada dan dua siku dengan kadar boleh memangku atau dengan kata lain boleh dikendong.⁹² Manakala *al-Ḥādin* bererti orang yang diwakilkan untuk menjaga dan mendidik anak-anak kecil.⁹³

Hadānah dari segi syarak bererti menjaga seseorang yang tidak boleh mengendalikan dirinya sendiri atau tidak boleh menjaga maslahah dirinya seperti kanak-kanak, orang gila atau bodoh , atau yang tidak mumaiyiz. Begitu juga dalam mengendalikan maslahah dan membersihkan diri.⁹⁴

Daripada definisi di atas jelaslah bahawa *ḥadānah* adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan rohani dan jasmani seseorang kanak-kanak.

Dalil-dalil yang Mewajibkan *Ḥadānah*

Islam telah mewajibkan pemeliharaan ke atas kanak-kanak sehingga ia mampu berdikari. Oleh itu mengasuh kanak-kanak yang masih kecil adalah wajib

⁹¹ Fu'ād Afrām al-Bustānī (1969), *Munjid al-Tullāb*, Beirut : Dār al-Masyriq, h. 128

⁹² Ibrāhīm Muṣṭafā, et. al (1985), *op. cit.*, j. 1, h. 188

⁹³ *Ibid*

⁹⁴ Ibn Ḥajar al-Haythamī (1347H), *Fatḥ al-Jawwād bīl-Syarḥ al-Īrsyād*, j. 2, Mesir : Maktabah Wa Maṭba'ah al-Bābī al-Ḥalabī, h. 187

kerana pengabaian terhadap anak-anak bererti mendedahkan anak-anak tersebut kepada bahaya.⁹⁵

Terdapat banyak nas atau dalil yang menunjukkan kepada kewajipan mengasuh anak ini sama ada daripada al-Quran ataupun al-Hadīth.

Dalil daripada al- Quran seperitimana firman Allah s.w.t.:

* وَالْوَالِدَتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِيمَ
أَرْضَاعَةً وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِشْوَهُنَّ بِالْمَفْرُوفِ لَا تَكَلُّفَ
نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَلِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى
الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِيلٍ

Maksudnya : *Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan warith juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada)*

Surah al-Baqarah (2) : 233

⁹⁵ Sayyid Sābiq (1412H), *Fiqh al-Sunnah*, , j. 2, c. 3, Kaherah : Dār al-Faṭḥ li al-lām al-‘Arabi, h. 481

Dalam mentafsirkan ayat di atas Wahbah al-Zuhayli menegaskan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa kaum kerabat anak tersebut wajib memberikan nafkah kepada anak tersebut dengan menggunakan harta yang ditinggalkan sekiranya dia memiliki harta.⁹⁶

Terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan kewajipan penjagaan anak ini. Antaranya ialah dalam sebuah riwayat:⁹⁷

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ ابْنِي هَذَا كَانَ بَطْنِي لَهُ وِعَاءً وَثَدِّي لَهُ سِقَاءً وَجِحْرِي لَهُ حِوَاءً وَإِنَّ أَبَاهُ طَلْقِي وَأَرَادَ أَنْ يَتَزَوَّعَ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَهُ الْمَوْتُ فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ

تَكِحِّي

Maksudnya : Daripada 'Abd Allāh bin 'Amrū bahawasanya seorang perempuan (menemui Rasulullah s.a.w. dan bertanya), Wahai Rasulullah, ini adalah anakku, perutku yang mengandungkannya, susuku yang memberinya minum dan pangkuankulah yang memangkunya. Sesungguhnya bapanya telah menceraikanku dan dia hendak merampasnya daripadaku. Rasulullah s.a.w. bersabda : Engkaulah yang berhak ke atasnya selagimana engkau belum berkahwin lain.

Secara umumnya, hadis di atas menyatakan tentang penjagaan terhadap anak yang mana kedua ibu bapanya telah bercerai. Dalam kes anak yatim kebiasaannya ibu akan menjadi penjaga kepada anak tersebut jika mereka kematian bapa. Ini akan diikuti oleh wali yang terdekat seperti datuk atau bapa saudara dan ibu saudara seperti yang akan dinyatakan di bawah ini.

⁹⁶ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1991) , *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*, j.1-2, Damsyik : Dar al-Fikr, h. 354

⁹⁷ Sulayman b. al-Asy'ath al-Sijistāni al-Azdi (1992), *op.cit.*, Kitāb al-Talāq, Bāb Man Aḥaqq bi al-Walad, no. hadis 1938. Istanbul: Dār Saḥnūn

Susunan Penjaga atau Pengasuh

Dalam membicarakan tentang penjagaan terhadap anak-anak, tidak dapat dinafikan bahawa penjaga yang paling baik adalah ibu bapa kepada anak-anak itu yang masih dalam ikatan perkahwinan. Akan tetapi akan timbul persoalan siapakah yang paling layak menjaga anak-anak itu apabila mereka kehilangan bapa (yatim).

Jumhur ulama sependapat mengatakan bahawa ibu adalah lebih berhak untuk menjaga anak-anak tersebut, dan yang lebih jelas ialah ibunya sendiri.⁹⁸ Hak penjagaan ini diutamakan kepada ibu kerana ibu lebih mampu untuk menguruskan anak kecil dan memeliharanya di mana seorang ibu itu lebih lembut, lebih sayang dan lebih sabar, lebih tekun dan lebih banyak waktunya berbanding dengan seorang ayah. Hak ini ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri berdasarkan hadis di atas.⁹⁹

Sudah menjadi fitrah bahawa kasih sayang ibu terhadap anaknya tidak dapat dipisahkan kerana jalinan kasih antara anak dan ibu telah wujud sejak dari dalam kandungan lagi. Berdasarkan kepada dalil di atas, ulama Fiqh telah menekankan bahawa kaum wanita (ibu) adalah lebih berhak menjaga anak-anak. Keluarga sebelah ibu lebih diutamakan dari keluarga sebelah bapa, oleh itu sekiranya ibu hilang kelayakan untuk berbuat demikian di atas sebab-sebab

⁹⁸ Syeikh Hasan Khālid (1964), *Aḥkām al-Ahwāl-Syakhsiyah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut : al-Maktab al-Tijāri Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nasyr, h. 280

⁹⁹ Syarifah Zaharah Syed Mohamad (1996), Perlindungan Kanak-kanak Dalam Islam dan Perlaksanaannya Menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan 1984), (Disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 81

tertentu seperti berkahwin lain, meninggal dunia atau seumpamanya maka hak *hadānah* ini akan berpindah kepada penjaga yang lain yang juga dari kalangan wanita.¹⁰⁰

Imam Syāfi'i telah menentukan tiga kategori susunan penjaga adalah gabungan antara keluarga sebelah ibu dan sebelah bapa, penjagaan bagi wanita-wanita sahaja atau penjagaan bagi kaum lelaki sahaja¹⁰¹

Kedua pertama gabungan di antara keluarga sebelah ibu dan sebelah bapa:

- a) Ibu
- b) Nenek sebelah ibu hingga ke peringkat atas
- c) Bapa
- d) Nenek sebelah bapa hingga ke peringkat atas
- e) Saudara perempuan seibu sebapa
- f) Saudara perempuan seibu
- g) Saudara perempuan sebapa
- h) Anak perempuan kepada kakak atau adik perempuan seibu sebapa
- i) Anak perempuan kepada kakak atau adik perempuan seibu
- j) Anak perempuan kepada kakak atau adik perempuan sebapa
- k) Emak saudara seibu sebapa (pihak ibu)
- l) Emak saudara sebapa (pihak ibu)

¹⁰⁰ *Ibid*, h. 83

¹⁰¹ Muhammad al-Syarbini al-Khāṭib (t.t), *al-Iqnā'*, j. 2, Mesir : Dār al-Fikr, h. 194-195

Keadaan kedua puluh iaitu penjagaan bagi wanita-wanita sahaja. Ini termasuklah :

- a) Ibu
- b) Nenek sebelah ibu hingga ke peringkat atas
- c) Nenek sebelah bapa hingga ke peringkat atas
- d) Saudara perempuan seibu sebapa
- e) Saudara perempuan sebapa
- f) Emak saudara (pihak ibu)
- g) Anak saudara perempuan seibu sebapa
- h) Anak saudara perempuan (bagi adik beradik perempuan)
- i) Anak saudara lelaki bagi adik beradik lelaki
- j) Emak saudara (pihak ayah)
- k) Sepupu perempuan (anak kepada saudara perempuan ibu)
- l) Sepupu perempuan (anak kepada saudara perempuan ayah)
- m) Sepupu lelaki (anak kepada saudara lelaki ayah)
- n) Sepupu perempuan (anak kepada saudara lelaki ibu)

Keadaan ketiga meliputi kaum lelaki sahaja di waktu tidak terdapat penjaga dari kaum wanita atau ketika anak-anak sudah mumaiyiz dengan mengikut susunan keutamaan seperti berikut :

- a) Bapa
- b) Datuk sebelah bapa hingga ke peringkat atas
- c) Saudara lelaki seibu sebapa
- d) Saudara lelaki sebapa
- e) Saudara lelaki seibu

- f) Anak saudara lelaki seibu sebapa
- g) Anak saudara lelaki sebapa
- h) Bapa saudara (pihak bapa) seibu sebapa
- i) Bapa saudara (pihak bapa) sebapa
- j) Sepupu lelaki (pihak bapa) seibu sebapa
- k) Sepupu lelaki (pihak bapa) sebapa

Walau bagaimanapun terdapat juga pendapat fukaha lain yang menambah kedudukan penjaga di kalangan lelaki sahaja dari pihak ibu jika tidak terdapat penjaga yang telah disebutkan di atas seperti berikut:¹⁰²

- a) Datuk lelaki (ayah kepada ibu)
- b) Saudara lelaki seibu
- c) Anak lelaki kepada saudara lelaki seibu
- d) Bapa saudara seibu
- e) Bapa saudara (pihak ibu) seibu sebapa
- f) Bapa saudara (pihak ibu) sebapa
- g) Bapa saudara (pihak ibu) seibu

Daripada susunan penjaga di atas jelas menunjukkan bahawa Islam amat mengambil berat tentang anak-anak agar mereka dapat membesar dengan sempurna dan mendapat perhatian serta kasih sayang yang secukupnya.

¹⁰² Dr. 'Abd al-Rahmān al-Šābūnī (1972), *Nizām al-Uṣrah Wa Hal al-Musykilatuhū*, Mesir : Dār al-Fikr, h. 181-182

Had umur dan Tempoh Masa *al- Hadānah* (Penjagaan)

Tidak terdapat nas yang jelas sama ada dari al-Quran atau al-Hadīth yang menunjukkan tentang had umur *hađānah*. Namun begitu ulama yang terdahulu bersepakat mengatakan tentang had umur *hađānah* ialah semenjak lahir sehingga anak itu tidak lagi memerlukan kepada khidmat atau asuhan seorang pengasuh di dalam menguruskan segala perkara merangkumi segala keperluan harian seperti makan minum, berpakaian dan menjaga kebersihan diri sendiri.¹⁰³

Manakala bagi ulama mutakhir menetapkan had umur *hađānah* berdasarkan kepada keadaan anak di zaman mereka. Imam Ḥanafī telah menetapkan bahawa had umur *hađānah* bagi anak lelaki ialah tujuh tahun atau sembilan tahun dan sembilan tahun bagi anak perempuan. Imam Ḥanbalī pula menetapkan umur tujuh tahun sama ada lelaki ataupun perempuan.¹⁰⁴

Imam Mālik dan Imam Syāfi’ī pula tidak menentukan had umur tertentu, di mana Imam Mālik berpendapat had umur *hađānah* bagi anak lelaki ialah dari waktu ia lahir hingga baligh dan bagi anak perempuan hingga berkahwin. Manakala Imam Syāfi’ī pula berpendapat tempoh *hađānah* yang diperlukan oleh seorang anak ialah sehingga ia mencapai usia mumaiyiz. Kemudian penjagaan yang diberikan kepadanya setelah usia mumaiyiz sehingga usia baligh dikenali sebagai *kafālah* menurut al-Māwardi.¹⁰⁵

¹⁰³ Zakariyā Aḥmad al-Barri (1964), *op. cit.*, h. 40-41

¹⁰⁴ ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī (1970), *op. cit.* h. 599

¹⁰⁵ Ibn Ḥajar al-Haythamī (1347H), *op. cit.*, h. 187

v. Pendidikan

Selain daripada *hadānah* dan penyusuan para wali bagi anak yatim juga bertanggungjawab memastikan setiap anak yang berada di bawah pemeliharaannya mendapat pendidikan yang sewajarnya. Ini kerana pendidikan memainkan peranan yang penting di dalam mencorakkan kehidupan seorang anak pada masa akan datang. Pendidikan baik yang diterimanya sejak kecil akan menjamin kejayaan di dalam kehidupannya. Jika salah didikan maka mereka akan menjadi generasi yang merosakkan ummah. Pendidikan yang berkesan ialah pendidikan yang membawa kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Pendidikan adalah bimbingan atau pimpinan yang diberi secara langsung atau tidak oleh pendidik di dalam menentukan perkembangan jasmani dan rohani orang yang dididik ke arah membentuk peribadi yang mulia.

Manakala mengikut pengertian yang lebih luas, pendidikan bukanlah sekadar memberi pelajaran, makan minum dan pakaian bahkan ia sebenarnya meliputi semua perkara yang berkaitan dengan keperluan anak-anak sama ada secara formal ataupun tidak formal. Setiap orang dituntut menuntut ilmu seperti sabda Rasulullah s.a.w. :¹⁰⁶

طَلَبُ الْعِلْمِ فِرِيقَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya : Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap muslim

¹⁰⁶ Ali bin Abi Bakr al-Haythami, (1967), *al- Majma' al-Zawā'id wa Manba' Fawā'id*, Kitāb al-'Ilm, Bāb fī Talab al-'Ilm, j.1, h 119 Lubnan: Dār al-Kitāb

Oleh itu para wali kepada anak yatim tidak boleh sama sekali membezakan peluang pendidikan di antara anak lelaki dengan anak perempuan.

Pendidikan anak yatim adalah satu proses untuk membimbing dan mendidik anak yatim tersebut agar memiliki kekuatan rohani, akal dan jasmani . Ianya merangkumi pendidikan keimanan, akhlak, jasmani, akal dan kemasyarakatan.¹⁰⁷

Pendidikan Keimanan

Yang dimaksudkan dengan pendidikan keimanan ialah mengikat anak dengan keimanan kepada Allah s.w.t., Malaikat, kitab-kitab, para rasul dan hari kiamat dan qadak dan qadar. Juga anak itu diajar agar beriman dengan perkara ghaib seperti azab kubur, kebangkitan semula, hisab, syurga, neraka dan sebagainya.¹⁰⁸

Dalam usaha menerapkan keimanan dan membentuk keperibadian anak yatim, terdapat beberapa garis panduan yang sepatutnya diberikan oleh penjaga semasa memberi didikan kepada anak-anak tersebut. Pendidikan anak-anak hendaklah dimulakan dengan memperkenalkan anak itu dengan dengan kalimah

¹⁰⁷ 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1990), *Tarbiyyah al-Awlād fī al-Islām*, c. 17, j. 1, Kaherah : Dār al-Salām li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī

¹⁰⁸ *Ibid*

sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās r.a bahawa Nabi s.a.w.

bersabda :¹⁰⁹

رَأْتُهُمْ عَلَىٰ صِبَارِكُمْ أَوَّلَ كَلِمَةٍ بِلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya : Mulakan pengenalan ke atas anak-anak kamu dengan perkataan *Lā ilāha illā Allāh*.

Ini adalah bertujuan agar kalimah tauhid dan syiar Islam merupakan perkara yang pertama sekali didengari oleh bayi itu.

Semasa anak itu berakal, penjaga mestilah memperkenalkan berkenaan hukum yang halal dan haram bersesuaian dengan hadis Rasulullah s.a.w.:¹¹⁰

إِعْمَلُوا بِطَاعَةِ اللَّهِ وَ اتَّقُوا مَعَاصِي اللَّهِ وَ أَمْرُوا أَهْلَكُمْ بِالَّذِي كَرِيمْنَا لَكُمْ مِّنَ النَّارِ

Maksudnya : Bekerjalah dengan taat kepada Allah dan jauhilah maksiat-maksiat terhadap Allah dan suruhlah ahli keluarga kamu supaya mengingati Allah maka Allah akan memelihara kamu dari api neraka.

Didikan ini bertujuan untuk membuka hati seseorang itu dengan mengerjakan perintah Allah sejak kecil lagi di samping menjauhi larangan-laranganNya.

¹⁰⁹ Abū Bakr Aḥmad bin al-Husayn al-Bayhaqī (1410H), *Syu'ab al-Imān*, Bāb fī Ḥaqq al-Sādah 'alā al-Mamālik, no. hadis 8649, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹¹⁰ Ibn Kathir (1971), *op. cit.*, j.4, h. 392

Anak itu juga hendaklah disuruh mula beribadat sejak ia berusia tujuh tahun. Sabda Rasulullah s.a.w. :¹¹¹

مُرُوا حِسَابَكُمْ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغُوْا سَعْيًا وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا إِذَا بَلَغُوْا عَشْرًا
وَفَرَقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya : Perintahlah anak kamu untuk bersembahyang semasa mereka berusia tujuh tahun dan pukullah mereka ketika mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka.

Para wali anak yatim juga hendaklah mendidik mereka agar mencintai Rasulullah s.a.w., ahli keluarga baginda dan suka membaca al-Quran.

Sebuah hadith yang diriwayatkan daripada ‘Ali b. Abi Talib bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda :¹¹²

أَدْبُوا أَوْلَادَكُمْ عَلَى ثَلَاثٍ خِصَالٍ: حُبِّ نَبِيِّكُمْ، وَحُبِّ أَهْلِ بَيْتِهِ، وَتِلَاوَةً
... الْقُرْآنِ

Maksudnya : Didiklah anak kamu dengan tiga perkara iaitu : cinta kepada nabi kamu, cinta kepada ahli keluarganya dan tilawah al-Quran...

Kempat-empat asas pendidikan di atas amat penting dilaksanakan oleh setiap penjaga di mana ia akan dapat menjamin keselamatan aqidah dan kepercayaan anak-anak daripada kesesatan dan penyelewengan.

¹¹¹ Ibn Hanbal (t.t), *op. cit.*, Musnad al-Mukathirin min al-Šahābah, Musnad ‘Abd. Allāh bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ, no. hadis 402

¹¹² Ismā‘il bin Muḥammad al-‘Ajlūni al-Jarāḥī (1405H), *Kasyf al-Khafā*, c.4, Bāb al-Hamzah ma‘a al-Dāl al-Muhamalah, no. hadis 174. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.

Pendidikan Akhlak

Yang dimaksudkan dengan pendidikan akhlak ialah anak itu perlu dididik dan membiasakan diri dengan prinsip-prinsip akhlak yang mulia semenjak dia mumaiyiz sehingga dia bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri.¹¹³

Islam sebagai satu din yang sempurna mampu untuk mencipta kebahagiaan yang hakiki bagi manusia di dunia dan di akhirat. Dengan akhlak yang mulia ianya dapat memberatkan timbangan seseorang di akhirat kelak.¹¹⁴

Oleh sebab itu, para wali anak yatim bertanggungjawab untuk mendidik anak tersebut dengan akhlak yang mulia, menjauhkan mereka daripada menyebut perkataan maki dan caci, membiasakan mereka dengan perasaan kemanusiaan yang tinggi seperti berbuat baik kepada golongan fakir, miskin dan lain-lain lagi.¹¹⁵

Anak yatim semenjak dari bayi lagi hendaklah dibesarkan dalam keadaan beriman kepada Allah s.w.t., takut kepadaNya dan bermuraqabah kepadaNya.¹¹⁶

¹¹³ 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1990), *op. cit.*, h. 203

¹¹⁴ Dr. 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1992), *Tarbiyyah al-Nāṣiyi' al-Muṣlim*, Mansurah: Dār al-Wafā', h. 216

¹¹⁵ 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1990), *op. cit.* j.1, h. 182

¹¹⁶ *Ibid*

Pendidikan Jasmani

Di antara tanggungjawab para wali terhadap anak yatim ialah tanggungjawab dalam pendidikan jasmani supaya anak itu dapat membesar dalam keadaan yang kuat dan sihat badannya.

Islam mengajar umatnya untuk menjaga jasad dengan beberapa cara iaitu: Allah s.w.t. mengetahui dengan terperinci tabiat jasad manusia, mengiktiraf hak jasad untuk menikmati apa yang telah dihalalkan Allah, menjaga jasad dengan akhlak yang kukuh dan menjaga jasad dengan tarbiah *jasadiyyah*.¹¹⁷

Untuk menunaikan solat, puasa zakat dan haji memerlukan kepada seorang muslim yang kuat fizikalnya. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w:¹¹⁸

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْصَّعِيفِ

Maksudnya : Seorang mukmin yang kuat itu adalah lebih baik dan dikasihi Allah daripada seorang mukmin yang lemah.

Untuk menjaga kesihatan jasmani, para wali anak yatim perlu menjaga beberapa perkara iaitu para wali wajib memberikan nafkah kepada anak yang berada di bawah jagaannya, para wali juga akan memperolehi ganjaran pahala dengan memberi nafkah kepada anak yatim yang ditanggungnya. Sebaliknya jika ia tidak melaksanakan tanggungjawab memberi nafkah ini dia dianggap berdosa.

¹¹⁷ Dr. 'Ali 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1992), *op. cit.*, h. 292

¹¹⁸ Muslim bin al-Ḥajjaj al-Qusyayri al-Naysābūrī (1992), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Qadr, Bāb fī al-Amr bi al-Quwwah, no. hadis 4816 Istanbul: Dār Saḥnūn

Di antara bentuk nafkah itu ialah memberikan makanan yang seimbang, tempat tinggal yang baik dan pakaian yang baik. Ini bertujuan agar jasad anak tersebut sihat dan tidak terdedah kepada jangkitan penyakit.¹¹⁹

Selain itu para wali juga hendaklah mengikut kaedah yang sihat dalam makanan, minuman dan tidur. Di antara cara yang ditunjukkan oleh Rasulullah dalam mengambil makanan ialah gelojoh ketika makan dan mengelakkan daripada mengambil makanan lebih daripada yang diperlukan. Semasa minum seseorang itu hendaklah meneguk dua atau tiga kali dan baginda juga melarang daripada bernafas di dalam bekas minuman.

Rasulullah s.a.w. mengamalkan tidur mengiring ke kanan kerana jika seseorang itu tidur mengiring ke kiri akan memudaratkan jantung dan menyukarkan pernafasan.¹²⁰

Para wali juga hendaklah sentiasa berwaspada dengan penyakit berjangkit. Ini adalah bertujuan untuk menjaga kesihatan badan. Rasulullah pernah menyuruh umatnya agar lari daripada orang yang terkena taun sepertimana lari daripada singa.¹²¹

Apabila seseorang anak itu sakit, maka para wali adalah bertanggungjawab untuk mencari penawarnya kerana mengambil sebab dan musabbab itu adalah daripada tuntutan fitrah manusia.

¹¹⁹ 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān(1990), *op. cit.* h. 214

¹²⁰ *Ibid*

¹²¹ *Ibid*

Para wali juga hendaklah membiasakan anak dengan aktiviti riadah dan menunggang kuda. Ini adalah bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. :

وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ

Maksudnya : Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia...

Surah al-Anfāl (8) : 60

Oleh sebab itu Islam menganjurkan supaya seseorang itu belajar berenang, memanah dan menunggang kuda.¹²²

Kesimpulan

Daripada huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa Islam amat mengambil berat tentang kebajikan anak yatim. Arahan ini dinyatakan dengan tegas di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Selain itu Islam juga telah menetapkan hak-hak yang semestinya ditunaikan oleh para wali terhadap anak yatim

Hak-hak tersebut termasuklah hak berbentuk material dan hak berbentuk spiritual. Perlu ditegaskan bahawa maksud anak yatim menurut syarak adalah anak yang masih kecil dari bayi sehingga anak yang belum baligh. Ini perlu difahami dengan jelas agar para wali dan umat Islam umumnya dapat menunaikan hak anak yatim yang ada di sekitar mereka.

¹²² Ibid

Dengan mengkaji *Sirah* Rasulullah s.a.w. akan jelas di sana keindahan Islam yang amat memuliakan anak yatim. Sifat berlumba-lumba para sahabat untuk menjaga anak yatim perlu dicontohi oleh setiap umat Islam demi memastikan kebijakan anak yatim akan terus terjamin. Sebarang pengabaian terhadap mereka akan meninggalkan kesan yang besar dalam masyarakat kerana anak yatim merupakan salah seorang individu dalam masyarakat umat Islam.